



TEKS AMANAT NAIB CANSOLOR
YBHG PROF DATUK DR MOHAMAD KADIM SUAIDI
DI
ARENA GEMILANG, DETAR PUTRA
PADA
26 JANUARI 2018 | 8.20 PAGI

**Assalamualaikum w.b.t, Salam Negaraku
Malaysia, Salam Ibu Pertiwiku dan Salam
UNIMASku Sayang.**

1. Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah S.W.T,
selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi
Muhammad S.A.W, kerana dengan limpah kurnia-
Nya, dapat kita bersama lagi di Arena Gemilang,
untuk menyempurnakan Majlis Amanat Naib
Canselor 2018.

**Pokok tualang menjulang awan
Tegak berdiri di pekan serian
Selamat datang warga budiman
Teguh bersama menjayakan impian.**

2. Semoga kehadiran kita semua di sini, akan memperkukuhkan ikatan ukhwah dan kesatuan, agar teguh bersama dalam menabur bakti kepada Universiti yang kita cintai ini. Harapan saya, semoga tahun 2018, akan membuka lembaran sejarah baharu, yang dapat menjadi pemangkin dalam menjulang UNIMAS sebagai institusi ilmu yang dikagumi di rantau ini. Buat warga UNIMASku sayang, saya berharap kita semua berada dalam keadaan kesihatan rohani dan jasmani yang sempurna, agar dapat memikul amanah dan menggalas tanggungjawab secara kolektif, dalam memacu kegemilangan Universiti.

3. Pada tahun 2017, kita telah meraikan sambutan Jubli Perak UNIMAS. Sambutan ini amat signifikan kepada seluruh warga UNIMAS tentang kewujudan kita bukan sahaja di Bumi Kenyalang malah di seantaro dunia. Dalam melestarikan kecemerlangan Universiti yang telah kita raih sebelum ini, Universiti berhasrat untuk menjadikan tahun 2018 sebagai tahun memperkasa pembudayaan penyelidikan dan inovasi serta membina asas kukuh dalam menyahut cabaran pelaksanaan ke arah IR4.0. Sehubungan dengan itu, warga Universiti diharap dapat terlibat secara kolektif dan aktif dalam memenuhi tuntutan Revolusi Industri 4.0 serta memacu UNIMAS ke arah kecemerlangan.

4. Melangkaui usia 25 tahun, UNIMAS telah berjaya melonjakkan namanya sebagai sebuah institusi kesarjanaan yang berketrampilan dan dihormati serta relevan dengan kemajuan dunia pendidikan tinggi masa kini, Persekitaran akademia global yang dinamik, memberikan potensi dan juga cabaran kepada UNIMAS bagi memenuhi tuntutan masa kini. Selain itu, Universiti juga perlu memenuhi tuntutan akademik yang berkualiti dengan kecemerlangan dan kelangsungan sesebuah organisasi, sangat berkait rapat dengan budaya kerja, persekitaran dan suasana di tempat kerja. Oleh yang demikian, kebersamaan dan ukhuwah merupakan antara salah satu kunci utama yang perlu diterapkan dan dihayati oleh warga kampus.

5. **TEGUH BERSAMA** merupakan satu manifestasi yang harus digarab sepenuhnya oleh setiap warga kampus, sesuai dengan usia Universiti yang telah matang. Dengan yang demikian, sebarang perubahan serta cabaran yang perlu dilaksanakan harus ditempuhi bersama dengan berpaksikan kepada kepercayaan dan keyakinan, hormat menghormati serta kekentalan jati diri secara kolektif pada setiap lapisan warga UNIMAS. *Tagline* TEGUH BERSAMA ini mula digunakan semasa Sambutan Hari Keluarga UNIMAS pada 7 Oktober 2017.

6. Sehubungan itu, semangat kebersamaan ini boleh dicapai melalui penghayatan terhadap penerapan **5 nilai teras** yang seharusnya dijadikan asas dan

pegangan oleh seluruh warga UNIMAS iaitu **INTEGRITI, INOVATIF, IKHLAS, CEKAL dan KESERAKANAN**. Semua warga universiti perlu menerapkan nilai **INTEGRITI** sebagai pegangan dalam segala pelaksanaan tugas, **INOVATIF** dalam memastikan kemajuan dan jaminan kualiti, **IKHLAS** kerana Tuhan. **CEKAL** mengharungi cabaran dalam menjalankan kewajipan dan amanah, **KESERAKANAN** dalam mengujudkan sifat ketawadukkan dan kemajmukan warga kampus.

7. Perjalanan kita dalam memastikan ilmu yang dijana di UNIMAS dapat dimanfaatkan dan tersebar di segenap dunia, masih lagi jauh. Masih banyak lagi yang perlu kita perbaiki dan

pertingkatkan, sama ada dari aspek pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi serta keterlibatan dan khidmat bersama pemegang taruh utama.

8. Universiti perlu mengoptimumkan penggunaan semua sumber yang ada, dalam memastikan setiap warga UNIMAS dapat menyumbang ke arah kecemerlangan Universiti.

9. Selain itu, Universiti juga perlu membuat penajajaran dan penambahbaikan dalam usaha menerapkan 5 nilai teras yang diketengahkan. UNIMAS telah membangunkan pelan strategik dan telah pun melaksanakan beberapa inisiatif dan aktiviti dalam memastikan pencapaian sasaran

dalam pelan tersebut. Setakat memahami apa yang terkandung di dalam pelan strategik adalah tidak mencukupi. Ia memerlukan penghayatan yang mendalam serta pelaksanaan pelan strategik yang telah diujarkannya dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) serta inisiatif terkini kementerian dalam mereka bentuk pendidikan tinggi 4.0.

10. Cabaran dahulu, kini dan masa hadapan tidak pernah serupa dan sentiasa berubah mengikut keperluan dan kehendak semasa. Kita sebagai hamba yang lemah di muka bumi ini, perlu merancang dan berusaha, agar ia dapat dilaksanakan dengan jayanya berkat dengan usaha dan komitmen yang berterusan daripada semua

lapisan warga UNIMAS. Sehubungan itu, pada awal tahun baharu ini, marilah kita bersama-sama memperbaharui azam, dan mengukuhkan iltizam dan tekad, agar Universiti yang kita cintai ini, dapat mengharungi segala cabaran dan rintangan yang mendatang. Hayati tema amanat **TEGUH BERSAMA** ini sebagai satu kesatuan yang **teguh**, kerana sebatang lidi ternyata rapuh, mudah dipatahkan dan dihancurkan. Namun, bila disatukan menjadi seikat, ia akan menjadi kuat dan tidak mudah dipatahkan.

Sungguh keras kayu berlian

Tumbuh melata di Bumi Kenyalang

Teguh bersama dalam kesatuan

Menjulang UNIMAS ke arah kecemerlangan

IMBASAN PENCAPAIAN 2017

11. Tahun 2017 merupakan tahun yang membanggakan kita semua dengan pelbagai pencapaian dan kejayaan yang signifikan, selain daripada kita meraikan 25 tahun penubuhan universiti tercinta ini.

12. Kita telah mencatatkan enrolmen pelajar seramai 13,156 orang bagi program pengajian prasiswazah yang terdiri daripada 12,966 pelajar tempatan dan 451 pelajar antarabangsa. Manakala bagi pelajar pascasiswazah seramai 1,640 orang termasuk 183 pelajar antarabangsa dari 33 buah negara serta 725 pelajar pra-Universiti. Sehingga 2017 juga, kita telah mencatat bilangan Alumni seramai 36,569 orang dari dalam dan luar negara.

13. Tahun 2017 juga menyaksikan ambilan pertama pelajar Sarjana Muda Arkitektur (Senibina) seramai 20 orang pelajar. Program ini mula diperkenalkan kali pertama pada Semester 1, sesi 2017/2018. Tahniah dan Syabas kepada Fakulti Kejuruteraan serta Jabatan Senibina.

14. Pada konvokesyen ke-21, kita telah menyaksikan graduan sulung Ijazah Sarjana Muda Linguistik seramai 48 orang daripada ambilan pertama program tersebut. Tahniah diucapkan kepada Fakulti Bahasa dan Komunikasi.

15. Dalam memperkasakan sistem pendidikan bertaraf global, UNIMAS turut tidak ketinggalan dalam menawarkan kursus *Massive Open Online Course* (MOOC) kepada pelajar dari seluruh dunia. UNIMAS telah berjaya menghasilkan 9 MOOC baharu di pelantar *Open Learning* dan ini menjadikan sejumlah 23 UNIMAS MOOC telah dihasilkan setakat ini. Tahniah kepada semua yang terlibat. Sesungguhnya, usaha sebegini amat penting untuk meningkatkan visibiliti UNIMAS di peringkat global serta membuktikan kesediaan warga UNIMAS dalam menghasilkan bahan serta aktiviti pengajaran-pembelajaran yang berkualiti. UNIMAS MOOC telah berjaya menarik seramai 23,889 pelajar dari seluruh pelusuk dunia semenjak diperkenalkan pada tahun 2014.

16. Pada tahun ini, kita mensasarkan sebanyak 9 lagi MOOC baharu yang akan dihasilkan iaitu satu daripada setiap fakulti. Kita ingin mencadangkan kursus-kursus yang ditawarkan dalam Program Sarjana Pembangunan Sumber Manusia (MSc HRD), serta Program Sarjana Pentadbiran Perniagaan Korporat (CMBA), untuk turut ditawarkan dalam bentuk MOOC. Ini merupakan langkah awal untuk mewujudkan program Sarjana UNIMAS yang boleh dilaksanakan secara sepenuhnya melalui MOOC. Usaha sedemikian diharap akan memperluaskan lagi peluang pembelajaran serta meningkatkan enrolmen bukan sahaja dalam kalangan pelajar tempatan tetapi juga pelajar antarabangsa.

17. Pada 26 September 2017, inisiatif *Massive Open Online Course* (MOOC) bagi kursus *Multimedia Technology and Design* yang dibangunkan oleh dua pensyarah Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Haji Syahrul Nizam Junaini dan Encik Jonathan Sidi telah menerima anugerah MOOC terbaik peringkat kebangsaan.

18. Tuan Haji Syahrul Nizam Junaini turut telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Akademik Negara. Kejayaan mengungguli Anugerah Pengajaran bagi Kelompok Sains Gunaan itu merupakan pengiktirafan tertinggi dunia akademia peringkat kebangsaan. Kejayaan ini juga membuktikan kehandalan dan keserjanaan pensyarah kita dalam proses penyebaran ilmu, yang

merupakan *core business* nadi
kewujudan UNIMAS.

19. Penganjuran *CEO@Faculty Programme* yang melibatkan tokoh ternama YBhg Tan Sri Wahid Omar, Pengerusi Kumpulan Permodalan Nasional Berhad ke UNIMAS telah diadakan pada 27hb Oktober 2017 bersama 1,500 pelajar dan staf akademik yang bertajuk “*Leadership Transformation and Challenges in the Digital Economy*”. Sebagai CEO@Faculty, beliau telah menyatakan kesediaan PNB untuk turut serta dalam aktiviti khidmat masyarakat UNIMAS dengan fokus penyertaan PNB dalam bidang kempen penabungan dan pengetahuan kewangan masyarakat desa.

20. Penubuhan “*PNB Investment Lab*“ di FEB yang dilancarkan pada Disember 2017 di FEB, merupakan satu kaedah pembelajaran di mana para pelajar akan dapat mengikuti perkembangan pasaran saham secara langsung dari BSKL.

21. Pada 12 Oktober 2017 pula, Fakulti Sains Sosial dengan kerjasama Kementerian Luar Negeri Malaysia telah menganjurkan seminar bertajuk “*Issues and Challenges in Managing Malaysia’s Foreign Relations*” yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Dato’ Sri Anifah Aman, Menteri Luar Negeri Malaysia. Ianya memberi peluang kepada pemimpin negara untuk menerangkan isu-isu penting hubungan luar Malaysia serta menyediakan platform kepada warga kampus untuk

berkongsi pandangan tentang isu-isu semasa bersama pemimpin negara.

22. Peningkatan dalam visibiliti dan kebolehcapaian terbitan Universiti seperti kertas review, tesis, pre-print, abstrak dan laporan teknikal yang dimasukkan ke dalam IR UNIMAS boleh dicapai melalui pengindeksan oleh Google Scholar. Justeru, satu lagi peningkatan yang agak signifikan dalam pengindeksan rekod IR UNIMAS oleh Google Scholar telah dicatatkan pada tahun 2017. Peningkatan sebanyak 21.8% ini telah dicatat pada 13 Disember 2017 melalui pertambahan rekod sebanyak 1670, menjadikan 9300 sumber ilmu dalam IR UNIMAS dindeks oleh Google Scholar.

23. Program Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Fakulti Ekonomi dan Perniagaan telah mendapat pengiktirafan antarabangsa dari CPA Australia pada 18 Oktober 2017, dan dianugerahkan akreditasi penuh dari CPA Australia. Ditubuhkan pada 1886, CPA Australia merupakan salah satu badan perakaunan terbesar dunia, dengan mempunyai lebih dari 150,000 ahli dari 121 negara. Graduan Program Perakaunan UNIMAS kini boleh menjadi ahli CPA Australia dengan hanya mengambil enam lagi kertas peperiksaan CPA AUS serta setelah memperolehi pengalaman kerja yang relevan. Usaha sedang dijalankan untuk mendapat akreditasi penuh ACCA (Association of Chartered Certified Accountants), United Kingdom.

24. Dalam bidang penyelidikan pula, UNIMAS berjaya memperolehi jumlah peruntukan dana penyelidikan sebanyak RM6,914,940.00 bagi tahun 2017. Statistik geran ini walau bagaimanapun, perlu dilihat dari segi perubahan ketara peralihan sumber dana yang diperolehi oleh UNIMAS dalam menyokong aktiviti penyelidikan.

25. Usaha gigih penyelidik UNIMAS dalam suasana peruntukan dana yang semakin terhad, di samping menyahut cabaran untuk penyelidikan berimpak melalui kolaborasi dengan pelbagai industri dan organisasi luar telah berjaya direalisasikan. Ini terserlah apabila pada tahun 2017 penyaluran dana dari agensi kerajaan, swasta dan luar negara telah menyumbang kepada sejumlah RM3,349,894.00

(+75.86%) pada tahun 2017, berbanding hanya RM1,904,861.00 pada tahun sebelumnya.

26. UNIMAS turut memperoleh dana peruntukan di bawah Skim Geran Penyelidikan Kementerian Pendidikan Tinggi sebanyak RM1,719,822.00. Selain itu, dalam menyemarakkan ekosistem penyelidikan dan inovasi, UNIMAS turut memperuntukkan dana penyelidikan dalaman berjumlah RM799,479.00 yang disalurkan sebagai geran-geran dalaman penyelidikan di bawah skim-skim seperti *Small Grant Scheme* (SGS), Dana Pelajar PhD, Dana Kursi Tun Openg (*Sago Chair*), Dana Kursi Yayasan Dayak, Dana Kursi Nusantara dan Dana Kursi Shell. Manakala baki dana sebanyak RM1,045,745.00 telah disalurkan oleh

UNIMAS bagi membiayai 64 geran penyelidikan dalaman di bawah skim *MyRA Special Grants*.

27. Secara keseluruhannya, UNIMAS telah merekodkan 145 geran baharu pada tahun 2017 dengan jumlah terkumpul projek penyelidikan aktif yang didaftarkan bagi tahun 2017 sebanyak 771. Peningkatan ketara juga dapat dilihat dalam bilangan hasil atau produk penyelidikan yang telah diproses, perlindungan harta intelek melalui Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO). Pada tahun lepas, 77 produk telah didaftarkan perlindungan merangkumi pelbagai kategori perlindungan harta intelek dengan 51 produk didaftarkan di bawah Hak cipta, 2 didaftarkan paten dan 1 cap dagangan. Manakala 20 telah

difailkan paten dan 3 difailkan di bawah kategori utiliti inovasi.

28. UNIMAS juga terus mengorak langkah aktif dalam aktiviti pengkomersilan dengan 7 produk penyelidikan dan telah menyumbang dana hasil pengkomersilan/perlesenan sebanyak RM2,158,700.00.

29. Di samping itu, 1 produk telah berjaya dianugerahkan geran pengkomersilan melalui Anugerah Tahun Pengkomersialan Malaysia 2017 (MCY2017) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia.

30. UNIMAS Silver Jubilee Conference yang diadakan pada 18 Oktober 2017 juga menarik penyertaan seramai 266 peserta selain menerima 195 Indeks penerbitan.

31. Dari aspek proses penerbitan buku, UNIMAS Publisher telah menerima sejumlah 36 tajuk manuskrip dengan sejumlah 32 judul buku telah berjaya diterbitkan. Dengan melebihi jumlah 100 tajuk buku terbitan UNIMAS dalam pasaran, telah berjaya menghasilkan jualan buku berjumlah RM115,961.85 pada tahun 2017.

32. Di kalangan ahli akademik UNIMAS, para pensyarah kita giat memastikan hasil penyelidikan diterbitkan dalam artikel jurnal berimpak dan

diindeks dimana UNIMAS berjaya melangkaui sasaran iaitu sebanyak 486 artikel. Satu angka tertinggi pernah dicatatkan sepanjang kewujudan UNIMAS dan kita yakin jumlah penerbitan ini akan melebihi angka 500 pada 31 Mac 2018 iaitu *cut off point* bagi pengiraan pencapaian penerbitan tahun 2017. Syabas kepada semua.

33. Lanjutan daripada Geran Kesarjanaan dalam Pengajaran dan Pembelajaran atau SoTL yang telah diperkenalkan pada tahun 2016, Simposium SoTL telah dianjurkan secara julung kalinya pada 15 Ogos 2017. Seramai 26 pemegang geran SoTL telah membentangkan hasil pelbagai usaha untuk memajukan pengajaran-pembelajaran di UNIMAS. Selaras dengan visi UNIMAS untuk mencapai

kecemerlangan dalam bidang pengajaran, saya dengan besar hatinya mengumumkan dana tambahan sebanyak RM 500,000 akan disalurkan untuk Geran SoTL. Keutamaan akan diberi kepada projek SoTL yang sejajar dengan hala tuju “Learning & Teaching 4.0” seperti yang dihasratkan oleh Yang Berhormat Dato’ Sri Idris Jusoh, Menteri Pendidikan Tinggi dalam Amanat 2018 beliau.

34. UNIMAS FoTL atau *Fellowship of Teaching and Learning Advancement* telah ditubuhkan secara rasminya pada 15 Julai 2017 yang lalu. Seramai 13 felo bersama dengan 49 ahli akademik daripada pelbagai fakulti telah dilantik untuk memajukan pelbagai aspek dalam pengajaran-pembelajaran universiti. Berdasarkan kepakaran para felo, 13

inisiatif telah dikenal pasti dan sedang giat dilaksanakan dan ini termasuklah penghasilan pelbagai buku panduan dan sumber rujukan pengajaran dan pembelajaran kepada para akademik, memperluaskan penggunaan pelbagai kaedah penyampaian berpusatkan pelajar, mewujudkan ruang pembelajaran tidak formal dan sebagainya. FoTL akan terus dilibatkan secara aktif dalam membantu pihak universiti menangani pelbagai isu dan cabaran dalam pengajaran dan pembelajaran.

35. Sesungguhnya, perkembangan teknologi serta gaya pembelajaran pelajar kini yang berbeza menuntut keperluan segera untuk mereka bentuk semula ruang-ruang pembelajaran sedia ada di universiti

ini bagi menggalakkan pembelajaran aktif, fleksibel serta memupuk kolaborasi dalam pembelajaran. Lebih banyak ruang pembelajaran informal juga harus diwujudkan di tempat guna sama untuk membolehkan pelajar melakukan tugas akademik dengan kondusif. 2 ruang pembelajaran telah direka bentuk semula untuk menyokong pembelajaran kolaboratif berasaskan teknologi. Melalui inisiatif FoTL, di bawah bimbingan Felo, Pn Maizatul Nurhuda, sekumpulan pelajar Program Teknologi Seni Reka, FSGK juga telah menghasilkan kerusi dan meja untuk kegunaan pembelajaran tidak formal di sekitar CTF 3 dan CTF 4. Pihak pengurusan universiti akan terus menyokong inisiatif sedemikian, dan dengan sukacitanya, saya mengumumkan sebanyak RM

500,000 akan disalurkan untuk tujuan mereka bentuk semula lebih banyak lagi ruang pembelajaran di UNIMAS di bawah seliaan CALM dan FoTL.

36. Tahun 2017 juga telah menyaksikan kejayaan UNIMAS dalam merangkul Anugerah Buku Negara pada Kategori Buku Sains dan Teknologi Terbaik Pengajian Tinggi Tahun 2017 bagi buku yang bertajuk "*Biodiversity of Tropical Peat Swamp Forests Sarawak*" karya suntingan Profesor Madya Dr Mohd Azlan Jayasilan dan Professor Dr Indraneil Das.

37. Sebuah lagi buku terbitan UNIMAS Publisher yang bertajuk “Mikroekonomi Dalam Industri Seni” karya Saudara Mazdan Ali Amaran, telah dianugerahkan Hadiah Sanjungan Kategori Buku Karya Asli, Anugerah Persatuan Sains dan Matematik Malaysia (PERSAMA), 2017.

38. Prof Dr Balbir Singh merupakan penerima Anugerah Merdeka 2017 dalam Kategori Kesihatan, Sains dan Teknologi. Pengiktirafan tertinggi ini adalah atas sumbangan cemerlang beliau terhadap penemuan pada penyebab baharu malaria manusia, *Plasmodium knowlesi*, yang merupakan parasit yang biasanya dijumpai pada monyet. Penemuan penyakit zoonotik yang berpotensi membawa maut ini telah mengubah pemahaman malaria dan cara

jangkitan ini dirawat di negara ini serta di seluruh dunia.

39. Pelancaran produk terbaharu UNIMAS iaitu 'DBPro' atau dikenali sebagai '*Dead Body Protector*' atau Produk Penutup Mayat. Produk DBPRO UNIMAS ini telah dibangunkan oleh sekumpulan penyelidik diketuai oleh Prof Madya Dr. Saiful Bahari Mohd Yusoff.. Produk DBPRO UNIMAS ini telah berjaya dikomersialkan dan telah dilamar oleh Syarikat JSMAT Development & Construction Sdn. Bhd pada 17 Mei 2017 untuk dikomersialkan dengan nilai pemberian lesen untuk mengeluarkan DBPRO bernilai RM20,000 kepada UNIMAS.

40. Terdapat satu lagi produk oleh kumpulan yang diketuai oleh Prof madya Dr Saiful Bahari iaitu *Smart Soft Stretcher* atau dikenali sebagai 3S telah memenangi Tempat Kedua daripada jumlah 41 produk akhir di Malaysia yang dipertandingkan di peringkat akhir untuk Anugerah Tahun Pengkomersialan Malaysia atau lebih dikenali sebagai MCY2017 iaitu *Malaysia Commercialization Year 2017*. MCY2017 adalah acara berprestij yang dianjurkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

41. Dalam Acara Kenyalang 20 Pekayuh Lelaki, UNIMAS telah melakarkan nama dan merangkul gelaran juara di Festival *Sarawak Regatta 2017* yang turut disertai oleh lebih kurang 4000 orang

peserta dari dalam dan luar negara dalam pelbagai kategori acara yang dipertandingkan. Syabas dan tahniah kepada Pasukan Mendayung UNIMAS yang terdiri di kalangan staf dan pelajar UNIMAS.

Sungai Sarawak dihiasi Kampung

Mudik ke hulu mengguna Perahu Tambang

Terima kasih para Pendayung

Budi dan jasa jadi sanjungan.

Warga UNIMAS yang dihormati sekalian,

42. Universiti amat menggalakkan program mobiliti pelajar bagi memperkaya pengalaman pembelajaran siswa-siswi UNIMAS, dan juga membuka ruang untuk pelajar antarabangsa,

mendapat pengalaman belajar di kampus yang indah ini. Tahun lepas kita telah menerima 97 pelajar antarabangsa dari 8 buah negara dari seluruh dunia. Manakala, seramai 115 pelajar UNIMAS telah menimba pengalaman baharu di 14 buah negara. Pada tahun ini universiti berhasrat untuk meningkatkan kemasukan pelajar antarabangsa ke UNIMAS sebanyak 20%. Kementerian Pendidikan Tinggi melalui EMGS juga telah bekerjasama untuk Jabatan Imigresen Malaysia bagi mempercepatkan pengeluaran Surat Kelulusan Visa (VAL) dalam tempoh 7 hari sahaja melalui perkhidmatan online e-VISA. Sejalan dengan hasrat itu, *Mobility Programs for Students* akan dijenamakan semula kepada **UNIMAS Global Students Programs (UGSP)**.

43. PUSAKA-UNIMAS *Furniture Design Competition*

telah mula dijalankan sejak tahun 2016 dan aktiviti ini telah dianjurkan secara bersama antara UNIMAS dan *Sarawak Timber Industry Development Cooperation* (STIDC). Melalui pertandingan ini, 15 reka bentuk dipilih untuk dinilai oleh juri yang terdiri dari mereka yang terlibat secara langsung dengan industri perabut di Malaysia, secara khususnya di Sarawak. Selain daripada penyertaan di MIFF, 15 pelajar yang dipilih untuk disenarai pendek akan turut di libatkan dalam program *Pool of Young Furniture Designer* atau PoYoD. PoYoD merupakan satu lagi aktiviti yang disenaraikan di dalam terma rujukan Kursi PUSAKA. Kini seramai 6 pelajar sedang

menjalani latihan di Miri, bersama syarikat perindustrian kayu Samling.

44. Program Temu Duga Terbuka Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) yang buat julung kalinya diadakan di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah menarik lebih 15,000 orang pencari kerja dan pengunjung ke UNIMAS pada 19 dan 20 April 2017. Tahniah Pusat Pembangunan Pelajar (PPP) dan AJK UNIMAS TRACE (*Talent Recruitment and Career Exhibition*) yang bertungkus lumus untuk menjayakan program kerjaya yang terbesar di Borneo dan UNIMAS ini.

45. Pemain alat muzik sape profesional yang juga merupakan Alumni UNIMAS dari Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Saufi Aiman Yahya telah mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa apabila telah memenangi 4 pingat emas, 1 perak dan 3 *Champion of the World Awards* di *The World Championships of Performing Arts* di California, Amerika Syarikat yang telah diadakan bermula 29 Jun hingga 9 Julai 2017. Pemuzik kelahiran Kuching, Sarawak berusia 27 tahun itu telah mendapat tempat pertama dalam kategori Terbuka, Jazz, Kontemporari dan Klasik/Tradisional dan pingat perak dalam kategori Karya Asli.

46. Bersempena Mesyuarat *10th ASEAN Minister on Rural Development and Eradication* yang diadakan pada 6 Oktober 2017, projek eBario telah menerima anugerah *ASEAN Leadership Award on Rural Development and Poverty Eradication* yang telah disampaikan oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah Malaysia.

47. Pada 8 hingga 14 Oktober 2017, pasukan penyelidik ISITI bersama-sama PALAPES-UNIMAS telah menjalankan projek Penambahbaikan Bekalan Air dan Sistem Sanitasi Untuk Masyarakat Penan di Long Lamai, Miri. Ini merupakan projek kolaborasi pelbagai pihak yang telah memberi kesan yang bermakna kepada masyarakat. Majlis penyerahan

projek ini dijadualkan akan diadakan pada 26 Mac 2018.

48. Sebuah kampung lama komuniti Bidayuh Jagoi yang berusia 175 tahun, kini berwajah baharu menerusi projek kerjasama *University Community Transformation Centre (UCTC)* UNIMAS, FAMA Negeri Sarawak dan komuniti Jagoi menerusi geran oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dengan harapan membawa perubahan dalam sosio ekonomi kampung menerusi platform Projek *MyKampung MyFuture (MKMF)* di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

49. Komitmen UNIMAS dalam melengkapi penduduk luar bandar dengan kemudahan asas melalui RnD telah dibuktikan sekali lagi dengan projek bekalan elektrik menggunakan sistem Mikro Hidro di Kampung Pa' Ramapoh Atas dan Pa' Ramapoh Bawah. Projek yang melibatkan penyelidikan secara holistik bersama beberapa fakulti ini telah diiktiraf oleh *ASEAN Centre for Energy (ACE)*. ACE adalah sebuah badan bebas yang mewakili sepuluh negara Asia Tenggara dan salah satu tanggungjawab badan ini adalah untuk memastikan dasar dan program tenaga yang diperlukan adalah selaras dengan pertumbuhan ekonomi dan kelestarian alam sekitar di rantau ini. Projek ini telah melonjakkan UNIMAS apabila memenangi *The ASEAN Best Practice for*

Renewable Energy Award 2017 di Manila Filipina pada 27 September 2017 yang lepas.

50. Selain itu, International Journal of Business and Society (IJBS) adalah jurnal ilmiah antarabangsa yang diterbitkan dalam penerbitan jurnal berkualiti tinggi menggunakan pendekatan pelbagai disiplin dengan penekanan dari aspek jurnal perniagaan, ekonomi dan kewangan. Pada 5 Oktober 2017, IJBS telah menerima pengiktirafan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi dengan mendapat Anugerah *Ministry of Higher Education's Current Research in Malaysia (CREAM)* dalam kategori *High Achievement Journal Indexed in SCOPUS*.

51. Dikenali di peringkat global kerana mempamerkan kegunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) kepada komuniti terpencil, acara dwi tahunan *eBorneo Knowledge Fair 6* (eBKF2017) telah berlangsung untuk kali kedua di Ba'kelalan pada 24-27 Oktober 2017. Persidangan yang bertemakan *Community-Based Sustainability* ini buat julung kalinya telah memperkenalkan "*Drive-Thru Workshop & Innovation Walk*". Persidangan pemangkin pembangunan komuniti ini diadakan dengan kerjasama *World Wild Fund* (WWF) dan Forum Masyarakat Adat Dataran Tinggi Borneo (FORMADAT) yang menyaksikan penyertaan dari komuniti Long Pasia (Sabah), Long Bawan (Indonesia), Bario, Ba'kelalan serta wakil komuniti Orang Asli dari Pahang dan Kelantan.

52. Pada 5 Desember 2017 kita menyaksikan sekumpulan 150 penyelidik dari UNIMAS dan pelbagai agensi kerajaan negeri terlibat sama dalam *Bungo Range Multidisciplinary Expedition 2017*. Ekpedisi ini merangkumi penyelidikan pelbagai bidang termasuklah sosio ekonomi, kesihatan, pelancongan, Bahasa, biodiversiti, sains alam sekitar dan juga teknologi digital. Aktiviti yang dijalankan bermula di Kampung Tringus merupakan salah satu ekpedisi sempena menyambut ulang tahun ke-25 UNIMAS.

Warga UNIMAS yang dihormati,

53. Secara keseluruhannya, UNIMAS berada dalam kedudukan terbaik sepanjang 25 tahun penubuhannya. Tahun 2017 menyaksikan beberapa

pencapaian yang memberangsangkan, meletakkan UNIMAS setanding dengan universiti lain di Malaysia dan Asia amnya.

54. Kecemerlangan UNIMAS terus diiktiraf di peringkat Asia dengan peningkatan kedudukan (*ranking*) dari tangga ke-261 ke tangga 247 daripada 11,900 buah universiti di Asia, ataupun Top 2.1% Universiti di Asia. Ini menyaksikan UNIMAS telah memperbaiki kedudukannya dalam kalangan 250 universiti di Asia yang menyertai penarafan *QS Asia University Rankings* (QS AUR).

55. UNIMAS turut terlibat dalam audit Penarafan Universiti dan Kolej Universiti (SETARA 2017) oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan auditan tapak dilakukan oleh pasukan juruaudit SETARA pada 20 September 2017. Seiring dengan usia penubuhannya, UNIMAS dinilai bersama-sama kelompok Universiti Matang (*Mature University*) berdasarkan empat (4) kriteria utama iaitu Maklumat Umum (pelajar, staf akademik, kewangan); Pengajaran dan Pembelajaran; Penyelidikan dan Perkhidmatan. Keputusan penilaian audit tersebut diumumkan pada 16 November 2017 dengan kejayaan cemerlang UNIMAS menerima penarafan 5 bintang (Tier 5) untuk tahun 2017.

56. Kejayaan cemerlang UNIMAS terus diiktiraf dengan pencapaian dalam pengurusan data berkualiti melalui Sistem Pengumpulan Data MyMOHES 2017. UNIMAS berjaya memperolehi penarafan 5 bintang. Peningkatan ini sekaligus mencerminkan semangat kerja berpasukan semua pihak di UNIMAS. Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko, SQRC bersama dengan semua PTJ sentiasa memastikan kualiti data yang disalurkan memenuhi keperluan dan kriteria seperti yang ditetapkan dalam modul-modul Sistem MyMOHES tersebut.

57. Kedudukan UNIMAS selanjutnya diperkukuhkan dengan pencapaian keseluruhan 4 bintang dalam penarafan *QS Stars Rating*. *QS Stars Rating* merupakan satu penilaian taraf bintang yang diperkenalkan oleh *Quacquarelli Symonds (QS)* kepada universiti-universiti di seluruh dunia bagi melihat kualiti sesebuah Universiti melalui kebolehpasaran graduan, kemudahan dan fasiliti serta keterlibatan bersama komuniti.

58. UNIMAS terus cemerlang dengan memperolehi 4 bintang bagi penilaian Penarafan Bintang Laman Web Agensi-agensi Persekutuan Sarawak bagi tahun 2017. Kriteria penilaian adalah berdasarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 2015 : Garis Panduan Pengurusan Laman

Web Sektor Awam dan *Provider Based Evaluation* (PROBE – 2016). Bagi kedudukan webometrik pula, UNIMAS berada di tangga 2,190 di peringkat antarabangsa dan tangga 18 di peringkat kebangsaan.

59. Pada tahun 2017, Universiti telah diperuntukkan sejumlah RM195 juta untuk perbelanjaan operasi dan meningkat kepada RM200 juta pada tahun 2018 dengan penjanaaan sumber dalaman sebanyak RM55 juta pada tahun 2017 dan jangkaan sebanyak RM70 dijana pada tahun 2018. Sehingga kini, universiti telah memperuntukkan sebanyak RM137.3 juta rizab universiti bagi projek kemajuan pembangunan universiti.

60. Pada tahun 2017, hasil kutipan endowmen UNIMAS telah mencapai jumlah RM1,733,832.48 (1.7juta). Ini termasuk sumbangan warga staf UNIMAS dalam bentuk tunai dan potongan gaji bulanan untuk empat tabung endowmen iaitu Kebajikan Pelajar, Pembangunan, Akademik dan Penyelidikan serta Alumni.

61. Kutipan yang besar telah diperolehi semasa Majlis *Homecoming Dinner* yang telah diadakan pada 25 Mac 2017. Majlis makan malam amal tersebut telah berjaya mengumpul dana endowmen berjumlah RM680,132.00 daripada 49 syarikat dan organisasi serta lebih 91 individu sebagai penaja dan penyumbang melalui majlis tersebut.

62. Penghujung tahun 2017 juga telah membuka ruang baharu kepada UNIMAS dalam pengurusan wakaf apabila telah berjaya mendapat kerjasama Majlis Islam Sarawak dan dilantik sebagai wakil untuk menganjurkan kutipan dana wakaf bagi tiga projek pembangunan UNIMAS iaitu Wakaf Masjid Kampus Timur, Wakaf Bangunan Dewan Peperiksaan dan Wakaf Bangunan Pusat Pembangunan Dan Khidmat Teknologi Maklumat.

63. Kutipan wakaf UNIMAS akan bermula Januari 2018. Begitu juga dengan Endowmen Kesihatan UNIMAS yang diusahakan untuk menyediakan faedah bantuan kewangan untuk penyumbang dan keluarga. Sumbangan melalui potongan gaji akan bermula Januari 2018.

64. Adalah menjadi harapan agar semua warga UNIMAS sama ada staf dan pelajar sama-sama memperkasakan budaya endowmen dan wakaf bagi manfaat diri sendiri, keluarga serta pihak lain yang amat memerlukan. Semoga sifat murni untuk saling bantu membantu ini lebih diberkati untuk kebaikan dunia dan akhirat.

KERJASAMA KERAJAAN NEGERI

65. Usahasama UNIMAS bersama Kerajaan Negeri telah dilaksanakan dalam meningkatkan penglibatan pelajar sekolah ke arah bidang STEM. UNIMAS diberi peranan yang besar untuk membantu kerajaan negeri meningkatkan peratusan tersebut sebagai persediaan untuk membangunkan modal insan ke arah negeri

membangun menjelang 2030. UNIMAS diberi kepercayaan untuk menubuhkan 6 buah *STEM Education Lab* di Sarawak. 3 buah di sekolah rendah dan 3 lagi di sekolah menengah terpilih sebagai projek rintis. STEM Education Lab pertama di SK Rakyat Jalan Haji Bolhassan telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak pada 6 April 2017.

66. Antara agenda kerajaan negeri untuk memperkasakan modal insan ke arah negeri maju menjelang 2030, usaha berterusan telah dibuat termasuklah mengadakan latihan TVET secara intensif sebagai persediaan untuk melangkah ke arah negeri maju menjelang 2030. Dalam hal ini, UNIMAS telah diberi mandat untuk melaksanakan

10 kursus kompetensi TVET dan 10 kursus pendek TVET melibatkan 400 peserta.

67. Dalam usaha untuk meningkatkan bilangan doktor perubatan Sarawak, kerajaan negeri telah bersetuju untuk menyediakan biasiswa kepada 40 pelajar perubatan asal Sarawak yang mengikuti pengajian di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan setiap tahun bermula tahun 2017 dengan pembiayaan penuh sebanyak RM4,000,000 setahun. Intervensi ini diadakan rentetan kekurangan doktor perubatan yang amat ketara di negeri Sarawak walaupun secara dasarnya doktor perubatan di negara kita mencukupi.

68. Pada 18 September 2017 yang lepas menyaksikan Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Ketua Menteri Sarawak menyerahkan biasiswa Yayasan Sarawak Program Perubatan kepada 40 pelajar rintis daripada UNIMAS.

WAY FORWARD 2018

SUMBER MANUSIA

69. Dalam pengurusan sumber manusia, beberapa dominan skim perjawatan akan ditukarkan kepada Skim Pengurusan Universiti seperti yang dicadangkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Pada tahun 2017, sebanyak 127 kenaikan pangkat di semua peringkat di UNIMAS yang melibatkan 25 orang staf akademik, 38 orang staf P&P dan 64

orang staf pelaksana. Dalam tempoh 5 tahun, bilangan staf dinaikkan pangkat adalah sebanyak 689 orang.

70. Dalam membantu menaiktaraf skim perjawatan di Universiti, 9 orang staf pelaksana telah dilantik ke jawatan P&P dalam tempoh 5 tahun. Pengenalan Fleksi telah memberi manfaat kepada 86 pegawai P&P atas kenaikan pangkat secara fleksi. Universiti juga melaksanakan kenaikan pangkat secara *Time Based* berasaskan Kecemerlangan (TBK) bagi staf Kumpulan Pelaksana yang telah berkhidmat melebihi 13 tahun di gred lantikan sejak tahun 2013, dan ditambah baik pada tahun 2015 telah memberi manfaat kepada 128 orang staf. Secara keseluruhan, banyak komitmen yang telah

dilakukan oleh pihak Univesiti untuk menambah baik pembangunan sumber manusia.

71. Sehubungan itu, dalam jangka masa 25 Tahun, seharusnya staf lebih berpengalaman, melakukan tugas *multitasking*, dinamik dan secara menyeluruh. Kita juga perlu mengoptimumkan penggunaan sumber/staf sedia ada seperti tugas PA & Kerani boleh dilakukan oleh orang yang sama terutamanya PTJ yang bersaiz kecil. Selain itu, atas dasar prihatin dan Teguh Bersama, UNIMAS masih mengekalkan staf kontrak walaupun telah menerima arahan untuk tidak menyambung staf kontrak. Manakala Staf kontrak yang menunjukkan prestasi yang baik, akan diserap ke jawatan tetap. Oleh itu, kita berharap warga Universiti dapat

menyumbang lebih banyak idea dan usaha ke arah pembangunan dan kejayaan UNIMAS. Hal ini kerana, kelangsungan masa depan bergantung harap kepada usaha yang kita laksanakan pada hari ini.

72. Bagi memantapkan lagi aspek pembangunan dan pengurusan akademik Universiti, Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Akademik (BPPA) akan dijenamakan dan distruktur semula kepada Pusat Jaminan Kualiti dan Pembangunan Akademik (PJPA) dan dikenali juga sebagai *Center for Quality Assurance and Academic Development, CAAD*). Ianya akan memperluaskan lagi fungsi dan tanggungjawab sedia ada dengan mengambil kira aspek jaminan kualiti akademik serta sejajar

dengan hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi dalam mereka bentuk semula Pendidikan Tinggi (*Redesigning Higher Education*) ke arah IR 4.0. Ini turut melibatkan senario anjakan perubahan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang bersifat *21st Century Learning*.

73. Satu sistem Penasihat Akademik atau dikenali dengan ACADS bakal dilaksanakan sebagai sistem atas talian yang dibangunkan untuk membantu Penasihat Akademik dalam memantau prestasi akademik pelajar mereka. ACADS adalah merupakan sistem yang bersepadu dan komprehensif yang akan memantau perjumpaan penasihat akademik bersama setiap pelajar dan merekodkan hasil perbincangan setiap perjumpaan.

Penasihat akademik akan memantau Pelan Pembelajaran Pelajar dan juga Laporan Analisa iCGPA setiap pelajar di bawah tanggungjawabnya.

74. Seiring dengan pencapaian cemerlang 5 Bintang SETARA, Swa Akreditasi Program Akademik juga akan dimulakan pada tahun ini sebagai persediaan dan usaha untuk dapat swa akreditasi pada tahun 2019. iAMS yang merupakan singkatan bagi Sistem Pemantauan Akademik Bersepadu dibangunkan sebagai pangkalan data berpusat yang mengandungi komponen iCLASS, iMARK dan iCGPA Analysis. iCLASS mengandungi semua butiran program, garis panduan kursus, pemetaan antara PEO, PLO dan CLO serta pelan kursus. Ia merupakan satu sistem berpusat yang

memudahkan proses pemantauan pelaksanaan OBE (Pembelajaran Berasaskan Hasil) dan juga kawalan kualiti bagi kurikulum program UNIMAS.

75. iMARK adalah sistem pangkalan markah berdasarkan kriteria yang diperlukan untuk pelaksanaan iCGPA bagi menggantikan e-Markah. Sistem iMARK membolehkan pencapaian Course Learning Outcome (CLO) dan Program Learning Outcome (PLO) dapat diukur pada akhir setiap semester.

76. iCGPA Analysis pula ialah sistem yang menganalisa dan menghasilkan laporan komprehensif tentang pencapaian individual pelajar terhadap pencapaian PLO setiap pelajar dan juga program. Seperti yang

diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri pada Oktober lepas, UNIMAS merupakan Universiti Awam pertama melaksanakan *Integrated Cumulative Grade Points Average* iCGPA secara menyeluruh untuk 43 program akademik serta 12 program sarjana secara kerja kursus.

77. Sesuai dengan keperluan untuk menyokong aktiviti pembelajaran atas talian (*eLearning*), MOOC dan juga aktiviti penyelidikan, Universiti bersetuju untuk menaiktaraf talian Internet dari pada 1GBps kepada 2Gbps.

Hadirin yang dihormati sekalian,

78. Seperti yang kita sedia maklum, kerajaan Negeri Sarawak sedang melaksanakan inisiatif Digital Ekonomi yang merangkumi pelbagai sektor ekonomi. Salah satu inisiatif Digital Ekonomi Sarawak (DE) ialah Pusat Kecemerlangan (CoE), yang dikenali sebagai "*Digital Sarawak Centre of Excellence*" yang bertindak sebagai penggerak utama untuk membolehkan aktiviti pembangunan penyelidikan dan teknologi dalam menyokong sektor ekonomi utama. CoE ini juga akan berfungsi sebagai pusat sehati yang terdiri daripada pakar-pakar yang merangkumi kelompok penyelidikan dan kepakaran yang berbeza yang berkongsi platform dalam menyediakan kepimpinan,

penyelidikan dan sokongan yang baik, serta nasihat profesional, perundingan dan latihan yang selari dengan tema-tema yang berkaitan dengan aspirasi Digital Ekonomi Sarawak.

79. UNIMAS telah diberi kepercayaan oleh Kerajaan Negeri Sarawak untuk menyelaras Digital CoE Sarawak, bersama dengan rakan-rakan kita iaitu Kementerian Pendidikan, Sains, dan Penyelidikan Teknologi Sarawak, Swinburne University of Technology, Curtin University, UiTM, University College of Technology Sarawak (UCTS), Pusat Biodiversiti Sarawak, dan Kementerian Permodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah Sarawak (MANRED) telah

diamanahkan untuk mengurus Digital Sarawak CoE.

80. Inisiatif Ekonomi Digital Sarawak terdiri daripada lapan sektor ekonomi iaitu pertanian, pelancongan, kesihatan, infrastruktur, pembuatan, teknologi kewangan, perumahan dan pengangkutan. Adalah penting bagi penyelidik kita untuk bekerjasama dengan rakan/agensi/industri luar atau penyelidik dari institusi lain dalam memastikan projek-projek mempunyai output / hasil ketara yang selari dengan lapan sektor ekonomi utama yang telah dikenalpasti.

81. Pada Oktober 2017, UNIMAS telah menandatangani MOU dengan Tallinn University of Technology, Estonia (TallTech) dan disaksikan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak sempena lawatan delegasi Kerajaan Negeri ke Estonia. Estonia adalah salah sebuah model negara di dunia yang berjaya melancarkan transformasi digital secara menyeluruh. Antara objektif MoU adalah kerjasama antara UNIMAS dan Tallin University of Technology dalam bidang: (1) *eGovernment*, (2) *Big Data Analytics*, dan (3) *Cybersecurity*. Sebagai kesinambungan MoU ini, UNIMAS dan TallTech akan menawarkan kursus yang berkaitan dengan eGovernment pada peringkat pasca siswazah, menerusi program Ijazah Sarjana dalam Advanced IT di Fakulti Sains

Komputer dan Teknologi Maklumat. Para pelajar akan berpeluang mengambil kursus eGovernment di TallTech sebagai sebahagian daripada Tallinn University Summer Program dan dijangka ditawarkan bermula dari ambilan September 2018.

82. Sehubungan dengan itu juga, saya mengumumkan penubuhan *Centre of Big Data Analytics and Visualisation* di bawah Digital Sarawak CoE. Pusat ini akan dipertanggungjawabkan untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan yang berkaitan *Big Data Analytics* bagi menyokong 8 sektor ekonomi utama yang menjadi fokus oleh kerajaan negeri. Pusat ini akan diterajui oleh penyelidik UNIMAS dari pelbagai fakulti termasuk

penyelidik dari institusi akademik lain di Sarawak, dan juga pakar di industri.

83. UNIMAS telah juga diberi tanggungjawab untuk mengendalikan bidang Financial Technology di bawah Digital Sarawak CoE. Dengan ini, saya dengan sukacitanya mengumumkan penjenamaan semula Centre for Business, Economics and Finance Forecasting kepada Centre for Financial Technology & Innovation (Pusat Teknologi Kewangan dan Inovasi UNIMAS). Pusat ini nanti bakal bertindak sebagai sebuah pusat penyelidikan pelbagai disiplin dan latihan yang berfokus kepada inovasi perniagaan dan teknologi kewangan (FinTech) yang terhasil daripada perubahan disruptif terhadap sistem kewangan tradisional dan perkhidmatan,

infrastruktur, peraturan dan dasar. Di samping melaksanakan aktiviti penyelidikan, Pusat ini juga menyediakan perkhidmatan perundingan dan latihan berkaitan dengan FinTech dan inovasi-inovasi lain (seperti produk, proses dan model perniagaan) dalam sektor perniagaan.

84. Seterusnya, kita akan memantapkan Institut Informatik Sosial dan Inovasi Teknologi (**ISITI**) untuk terus berkembang dalam aspek *Social Innovation* sebagaimana hasrat transformasi Digital Sarawak dalam mengurangkan jurang ekonomi sosial. UNIMAS juga telah diberi tanggungjawab untuk mengetuai pusat di bawah Digital Sarawak CoE iaitu Centre for Social Innovation.

85. ISITI akan dinaik taraf sebagai Pusat Inovasi Sosial atau Centre for Social Innovation. Inovasi sosial dilihat sebagai pencetus daya tahan dan kelestarian masyarakat ke arah menjadikan negeri Sarawak sebagai Knowledge based-society. Justeru itu, eBorneo Knowledge Fair akan di kembangkan sebagai pelantar ilmuan ulung yang diterajui oleh UNIMAS dengan kerjasama kerajaan negeri. Penjenamaan semula tele-centre sebagai gedung ilmu digital dan hub inovasi sosial, akan bertumpukan kepada pembudayaan inovasi dalam pembangunan sosioekonomi, meningkatkan kualiti kehidupan, pembangunan modal insan.

86. Bagi memastikan Fakulti Sains Sosial terus dinamik serta kekal relevan terutamanya dalam penjajaran kepada Revolusi Industri 4.0, dicadangkan penjenamaan semula FSS kepada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK). Ini adalah sejajar dengan perubahan landskap semasa dunia pendidikan tinggi tempatan dan antarabangsa. Melalui penjenamaan ini fokus sedia ada Fakulti Sains Sosial akan dikembangkan dengan mengambil kira bidang-bidang lain yang bersesuaian dalam konteks Sains Sosial dan Kemanusiaan. Elemen Sains Sosial dan Kemanusiaan juga akan menyediakan landasan kepada program akademik serta bidang penyelidikan yang sedia ada di Fakulti perlu dilihat semula serta dikembangkan.

87. Sejalan dengan itu, serta selari dengan usaha kita dalam membantu kerajaan Negeri Sarawak dalam transformasi digital, saya juga mencadangkan penubuhan Pusat penyelidikan berasaskan GIS di FSS iaitu Pusat Penyelidikan Integrasi Ruangan Digital Ilmu Kemanusiaan dan Sains Sosial (*Centre for Spatially Integrated Digital Humanities and Social Science - CSDH*) di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UNIMAS.

88. Pusat ini akan mendukung penyelidikan bersifat antara disiplin, memperkasakan penggunaan fasiliti dan perkongsian sumber dengan mengambil kira kepentingan pendekatan digital dan elemen ruang dalam analisis isu-isu sains sosial dan kemanusiaan. Ini juga selaras dengan pendekatan

penyelesaian masalah berdasarkan lokasi serta usaha mengetengahkan FSSK dalam menyumbang kepada inisiatif UNIMAS dalam meningkatkan penyelidikan rentas bidang.

89. Bagi meningkatkan kapasiti Institut Reka Bentuk dan Inovasi, dengan objektif untuk **memperluaskan peranannya** dan bidang tujahan, yang merangkumi aspek **seni** dan **teknologi** sebagai penambahan kepada fokus **reka bentuk dan inovasi** yang telah sedia ada. Ianya diharap dapat mengoptimumkan sumber dan kepakaran di UNIMAS dan menyokong agenda ekonomi digital, melalui Digital Sarawak serta IR4.0

90. Bagi menyesuaikan penambahbaikan ini, maka adalah menjadi keperluan agar institut ini melalui proses penjenamaan dan penstrukturan semula bersesuaian dengan peranan baharunya dan dicadangkan agar institut ini disesuaikan menjadi **Institut Seni Kreatif dan Teknologi (*Institute of Creative Arts and Technology*)** dengan nama ringkasnya *iCreate*.
91. Dengan penambahbaikan ini, maka institut ini diyakini akan mempunyai lingkup peranan yang lebih besar disamping ianya memberi ruang kepada penglibatan rentas disiplin yang lebih signifikan dari fakulti dan pusat penyelidikan lain di UNIMAS serta rakan kerjasama industry.

92. Pada Amanat Naib Canselor 2017, saya telah mengumumkan cadangan penubuhan Fakulti Alam Bina dan Alhamdulillah, Lembaga Pengarah Universiti dalam mesyuaratnya pada 9 Jun 2017 telah meluluskan penubuhan fakulti tersebut. Dengan ini, secara rasminya UNIMAS mempunyai 10 fakulti akademik dengan tertubuhnya fakulti baru ini.

93. Selain penubuhan fakulti baharu, Program Sarjana Muda Ukur Bahan (*Quantity Surveying*) sedang dalam proses mendapat kelulusan Kementerian Pendidikan Tinggi dan bakal ditawarkan pada ambilan September nanti.

94. Bagi membantu dan memperkasa pembudayaan penyelidikan dan inovasi, 45 kluster penyelidikan di UNIMAS akan distruktur semula dibawah 4 Kluster utama yang telah diwujudkan berdasarkan hubungan dan relevan kepada kluster yang digunakan di peringkat global, seperti berikut;

i. Engineering & Technology

ii. Natural Sciences

iii. Arts, Humanities & Management

iv. Medicine & Life Sciences

95. Diharapkan luster-kluster utama baharu ini akan lebih menggalakkan kerjasama serta kolaborasi rentas disiplin dan menghasilkan impak yang lebih signifikan dan cepat.

96. UNIMAS juga telah mengorak langkah ke arah memantapkan pengurusan data penyelidikan dengan menggunakan applikasi "*Integrated Research Information System*" atau lebih dikenali sebagai IRIS yang telah dibangunkan secara bersama oleh UNIMAS Innovation dan Pusat Pembangunan dan Perkhidmatan Teknologi Maklumat (CITDS) serta Pusat Khidmat Maklumat Akademik (PKMA), Pejabat Pendaftar, Fakulti, Institut dan Pusat-Pusat Kecemerlangan.
97. IRIS akan dikembangkan bagi memantapkan data yang berkaitan dengan aktiviti pengkomersilan, penerbitan buku, serta libat sama komuniti dan industri dengan kerjasama UNIMAS

Publisher, UNIMAS Engage dan UNIMAS Holdings Sdn Bhd.

98. Justeru, IRIS akan diberikan nafas baru dengan memastikan data-data dalam IRIS adalah mantap, sahih dan tepat serta akan dijadikan pangkalan data utama berkaitan penyelidikan dan inovasi untuk sistem "*E-Pangkat*" dan "*E-Prestasi*".
99. Sukacitanya juga saya ingin mengumumkan agihan dana penyelidikan khas sebanyak RM1 Juta kepada semua fakulti berdasarkan rating MyRA yang telah dikendalikan oleh UNIMAS Innovation.
100. Di peringkat global, UNIMAS telah mendapat pengiktirafan sebagai *Learning Affiliate* daripada

Energy Institute UK. Penganjuran Program Kursus Pendek dan Kompetensi UNIMAS yang berkaitan dengan *energy technology* dapat dilaksanakan sejajar dengan pendidikan tinggi ke arah 4.0. Universiti juga dalam usaha membangunkan polisi tenaga (*energy policy*) yang akan membantu dalam usaha pencapaian *Low Carbon Campus (LCC)*.

101. Pembaharuan ini akan melibatkan pelaksanaan Polisi Tenaga UNIMAS yang merangkumi dasar perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan sistem seterusnya akan memastikan UNIMAS sebagai salah satu Institusi Pengajian Tinggi yang akan mencapai dan menerima pensijilan AEMAS 3-STAR EMGS.

(AEMAS - ASEAN Energy Management Accreditation Scheme)

(EMGS- Energy Management Gold Standard)

Warga UNIMAS yang dikasihi,

102. Cadangan untuk merealisasikan promosi dan jualan buku ilmiah UNIMAS Publisher secara atas talian telah diilhamkan pada beberapa tahun yang lepas dengan objektif yang asal adalah bagi memastikan capaian pembeli ke atas buku ilmiah menjadi lebih mudah.

103. Pada Disember lepas sistem online shop yang dibangunkan oleh UNIMAS Publisher dan CITDS ini telah diaktifkan kepada orang ramai sebagai cubaan pertama pembelian buku secara atas talian.

Hari ini kita akan menyaksikan pelancaran secara rasmi portal ini.

Warga UNIMAS yang dihormati sekalian,

104. Selari dengan hasrat kementerian untuk menghasilkan siswa-siswi yang holistik, universiti berhasrat untuk menjadikan tahun 2018 sebagai tahun sukarelawan untuk siswa-siswi UNIMAS. Setiap aktiviti yang dianjurkan untuk pelajar juga akan diterapkan dengan nilai teras atau *Core Values* UNIMAS. UNIMAS pada tahun ini juga akan menjadi tuan rumah perhimpunan Yayasan Sukarelawan Siswa 2018.

105. Selaras dengan Pelan Tindakan Keusahawanan 2016-2020 seperti yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri dalam amanatnya pada 11 Januari lepas, berhasrat 80% pelajar mendapat pendedahan keusahawanan semasa belajar pada tahun 2018. UNIMAS mencatatkan 74% graduan menceburi bidang perniagaan selepas bergraduasi pada tahun 2017 berbanding 32% pada tahun 2016 dan tahun 2018 diharap peratusan akan lebih meningkat.

106. Yang Berhormat Dato' Sri Idris Jusoh juga telah mengumumkan UNIMAS sebagai universiti awam pertama yang menggunakan pengenalan digital kepada semua pelajar dan staf menggunakan QR

Code. Pembangunan projek QR Code meliputi 3 modul iaitu;

- i. QR Virtual ID
- ii. QR Attendance
- iii. UNIMAS Cashless

107. Modul QR Virtual ID dan QR Attendance telah sedia terdapat di dalam *mobile apps* rasmi, UNIMAS NOW yang boleh dimuat turun melalui Apple Store dan juga Play Store. Dengan adanya aplikasi ini, warga kampus akan memiliki Virtual ID dan dapat menggunakan fungsi sistem kehadiran ke pejabat dan juga aktiviti universiti. Modul ini telah diguna pakai sepenuhnya pada 2 Januari 2018. Modul QR Attendance yang diintegrasikan dengan sistem Jadual Waktu juga akan digunakan sepenuhnya

bermula Semester 2 sesi 2017/2018 iaitu pada bulan Februari nanti. Projek QR Code ini akan dikembangkan lagi penggunaannya kepada sistem e-Voting, e-Daftar, e-Daftar Kolej, e-Konvo dan juga peminjaman buku di CAIS. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua yang terlibat.

108. Bermula pada tahun ini, UNIMAS telah bersetuju untuk menubuhkan Tabung Endowmen Kesihatan untuk warga universiti. Peruntukan pembiayaan perubatan untuk warga staf UNIMAS telah terkesan dengan pengurangan daripada RM3,315,492.55 kepada RM2,442,000.00 iaitu pengurangan sebanyak RM873,492.00 atau lebih 26% berbanding tahun 2016. Sebaliknya saban tahun, keperluan bantuan perubatan staf yang jauh

melebihi kadar yang diperuntukkan kepada setiap individu semakin meningkat.

109. Jumlah perbelanjaan bantuan tambahan untuk perubahan staf dan tanggungan mereka (termasuk *hemodialysis*) meningkat daripada RM278,191.20 pada tahun 2015 kepada RM354,491.85 pada tahun 2016 dan RM314,879.63 pada tahun 2017.

110. Prihatin untuk saling membantu rakan-rakan warga UNIMAS serta tanggungan yang kurang bernasib baik dalam aspek kesihatan mereka, maka salah satu alternatif yang telah terbukti bermanfaat kepada penyumbang dan penerima ialah melalui Tabung Endowmen Kesihatan. Beberapa model

kejayaan kaedah ini telah terbukti di Malaysia dan di luar negara.

111. Bagi memperkasakan staf pentadbiran, saya dengan sukacitanya ingin mengumumkan program *Global Outreach Program* yang telah dijalankan sebelum ini akan dijenamakan semula kepada *UNIMAS Global Staff Outreach (UGSO)*. Staf berpeluang menambah pengalaman, meningkatkan kecekapan dan mendapat pendedahan kepada perkembangan terkini melalui proses pembangunan staf dalam pelbagai bidang apabila mengikuti program ini di luar negara kelak.

112. Dari aspek pembangunan pula, *City Campus* telah beroperasi sepenuhnya mulai Ogos 2017. Bangunan tambahan Pejabat Pegawai Akademik serta Bangunan Pusat Pengajian Pra-U akan mula diduduki pada tahun ini, Pusat Pembelajaran Bersepadu UNIMAS, Sibu telah memulakan aktiviti pembinaan dan juga Surau Kampus Timur akan memulakan proses pembinaan pada tahun ini. Selain itu, Dewan Peperiksaan yang bernilai RM5.8 Juta menggunakan peruntukan dalaman universiti akan memulakan aktiviti pembinaan bermula April 2018 dan dijangka siap pada 2019.

**Saudara/Saudari Warga UNIMAS yang
dihormati,**

***Teguh Bersama* itulah aspirasi.**

Budi dan akhlak menjadi sendi.

Ihsan dalam beramal menzahirkan integriti.

Itulah doa dan harapan yang perlu diamati.

113. Adalah menjadi harapan, cuba kita renungkan, teguhkan atau rapuhkan yang kita pilih menjadi laluan dan sandaran untuk terus bergerak ke hadapan? Biar pun era digital yang menanti, biar pun teknologi semakin canggih setiap hari.

Teguh atau rapuh adalah keadaan

Teguh atau rapuh adalah perasaan

Teguh atau rapuh adalah pilihan

Teguh atau rapuh adalah ukuran

Teguh atau rapuh adalah pasangan

Teguh atau rapuh adalah kenyataan

Teguh atau rapuh adalah laluan

114. Namun dengan kebijaksanaan yang ada agar kita sentiasa teguh, jangan sesekali memilih yang rapuh, supaya perasaan dan niat kita sentiasa utuh. Marilah dan Ayuhlah.. *Teguh Bersama* membina UNIMAS Gemilang. Itulah doa dan harapan.

Kepada semua warga UNIMAS yang dikasihi,

115. Kita telah melangkaui usia 25 tahun. Ternyata ada yang pahit dan ada yang manis dalam kita menempuh lakaran kejayaan seperti yang kita kecapai hari ini. Itulah yang dinamakan kehidupan.

116. Bagi para pelajar, kita menuntut ilmu bukan hanya kerana ingin menghilangkan kejahilan, tetapi ingin memperoleh hikmah (kebijaksanaan dan kefahaman), dan yang perlu dijaga adalah akhlaq dan adab kesopanan.

117. Bagi warga staf UNIMAS, kita bekerja bukan sekadar menanti gaji, elaun atau ganjaran, tetapi biar ia menzahirkan keikhlasan dan yang perlu dijaga adalah integriti dan ihsan.

118. Bagi para ahli akademik, kita mendidik dan menyelidik, menulis, menerbit dan pelbagai lagi aktiviti kemasyarakatan bukan sekadar mendapat rating, ranking dan indeks, dan yang perlu dijaga

adalah meneruskan tradisi dan inspirasi keilmuan agar UNIMAS terus tersohor.

119. William Arthur Ward menyebutkan:

“The mediocre teacher tells. The good teacher explains. The superior teacher demonstrates. The great teacher inspires.”

"Pendidik biasa-biasa hanya mampu menceritakan. Pendidik yang baik mampu menjelaskan. Pendidik yang unggul mampu menunjukkan. Sementara pendidik yang hebat mampu memberikan inspirasi."

Kepada semua warga UNIMAS yang dikasihi,

120. Sesungguhnya menjadi harapan, di saat kita inginkan kejayaan dan kecemerlangan berkekalan, jangan dilupakan adab, akhlaq dan ihsan. Itulah yang menjadi tunjang menuju kegemilangan. Menurut Al-Ghazali sesungguhnya asas seluruh akhlaq itu ada empat sendi:

- i. Hikmah (Kebijaksanaan)
- ii. Keberanian
- iii. Berlapang dada
- iv. Keadilan

121. Oleh yang demikian, dengan aspirasi teguh bersama, sekali lagi marilah Teguh bersama dalam menyebarkan dan menyemai **kebijaksanaan**. Teguh bersama dan **berani** untuk terus progresif

dan maju ke hadapan. Teguh bersama serta **berlapang dada** dalam menyelesaikan permasalahan dan pertikaian. Teguh bersama agar neraca **keadilan** dalam kehidupan iaitu meletakkan sesuatu dengan betul pada tempatnya dapat kita laksanakan. Maka bersungguh-sungguhlah dalam **bekerja, belajar, menyelidik** dan **mendidik** serta **melaksanakan amanah**:

122. Nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud:

Sebaik-baik pekerjaan ialah usaha seseorang apabila dia melakukan yang terbaik

(Hadis riwayat Imam Ahmad)

123. Bersama-sama lah kita berdoa agar Tuhan mengkabulkan segala hajat dan permintaan semoga gerak kerja kita beroleh keberkatan. Akhir kalam marilah sama-sama kita bermohon seperti mana dalam doa yang telah dibacakan tadi agar seluruh warga UNIMAS sentiasa berada dalam *lembayung keberkatan, pancaran kecemerlangan, payungan kesejahteraan, sinaran kegemilangan, naungan kejayaan, gugusan kenikmatan, lindungan keselamatan, teduhan keselesaan, rangkaian kelestarian* serta *Dihindari daripada kesulitan, Dijauhi daripada kegusaran, Dipintasi daripada kecelakaan, Dilepasi daripada kerumitan.* Semoga *Dianugerahi kejayaan berpanjangan,*

*Disulami dengan rasa keikhlasan, Dikurniai
keberkatan dan kerahmatan.*

124. Sebelum mengakhiri Amanat Naib Canselor 2018,
sekali lagi saya merakamkan ucapan terima kasih
kepada semua yang menghadiri majlis ini.

**Sayang Sarawak sungainya panjang
Tempat berlangsung Sarawak Regatta
Tanamkan tekad teruskan perjuangan
Melahirkan warga bersemangat waja.**

**Cantik sungguh pantai Sematan
Airnya biru ombaknya perlahan
Amanat disampaikan penuh keikhlasan
Mengajak warga mencipta kejayaan.**

Sekian,

**Wabillahi taufik, wal hidayah,
wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**